

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN
DARIPADA : YB DATUK KOH NAI KWONG
[ALOR GAJAH]
TARIKH :
SOALAN : 534**

YB Datuk Koh Nai Kwong [Alor Gajah] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan jumlah pesakit kanser yang telah dikenal pasti di bawah 'National Cancer Patient Registry' mengikut perincian setiap tahun 2000 sehingga 2016, jantina, tahap dan tahun diagnosis kanser serta 10 jenis kanser utama yang dihadapi oleh pesakit di Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua,

Di Malaysia, pengumpulan data pesakit baru kanser mengikut residen adalah melalui proses pendaftaran di Jabatan Registri Kanser Kebangsaan. Ianya telah bermula di seluruh negara pada tahun 2007. Sebelum tahun 2007 hanya beberapa negeri telah menjadi pusat pengumpulan daftar kes kanser iaitu Negeri Pulau Pinang, Pahang, Johor, Kelantan, Sarawak dan Sabah sebagai 'pilot project'.

Jadual 1 menunjukkan jumlah kes kanser baru didaftar di 6 registri tersebut yang menunjukkan peningkatan ketara kes setiap tahun.

Jadual 1 : Jumlah Kes Baru Kanser didaftar di 6 Registri Kanser Negeri mengikut jantina, 2000-2006

Tahun	Lelaki	Perempuan	Jumlah
2000	3,423	3,720	7,143
2001	3,298	3,743	7,041
2002	3,171	3,569	6,740
2003	3,202	3,517	6,719
2004	3,657	4,256	7,913
2005	4,362	4,745	9,107
2006	4,435	4,819	9,254

Jumlah pesakit kanser bagi tahun 2007-2016 adalah seperti di Jadual 2 yang meliputi seluruh negara. Di dapati terdapat penurunan tren jumlah kes bermula tahun 2012-2016 yang disebabkan aktiviti notifikasi dan pencarian kes di fasiliti kesihatan masih dalam proses pengumpulan data di lapangan. Data yang di tunjukkan adalah dikemaskini sehingga 13Julai2017.

Jadual 2: Bilangan kes kanser didaftar di Jabatan Registri Jabatan Registri Kanser Kebangsaan mengikut jantina, 2007-2016

Tahun	Lelaki	Perempuan	Jumlah
2007	8,904	11,151	20,055
2008	9,382	11,409	20,791
2009	9,525	11,339	20,864
2010	9,659	11,866	21,525
2011	9,484	11,652	21,136
2012	7,646	9,825	17,471
2013	7,344	9,478	16,822
2014	6,500	8,734	15,234
2015	5,777	8,245	14,022
2016	4,892	7,054	11,946

Secara keseluruhan kebanyakan kes yang didaftarkan tidak mempunyai status tahap kanser(anggaran 50%).

Sepuluh jenis kanser yang utama di Malaysia adalah kanser payudara (17.7%), kanser kolorektal (13.2%), kanser paru-paru (10.2%), limfoma (5.2%), kanser nasofarinks (4.9%), leukemia (4.4%), kanser serviks (4.2%), kanser hati (4.0%), kanser ovari (3.4%) dan kanser perut (3.3%).

(Rujukan dari Laporan Registri Kanser Kebangsaan Malaysia, 2007-2011)